



MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

KENYATAAN SEBUT HARGA


Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA yang mempunyai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Sijil Taraf Bumiputera dan Sijil Suruhanjaya Tenaga di dalam bidang kerja berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk mengambil bahagian dan menjalankan kerja-kerja berikut:-


| BUTIR-BUTIR TAWARAN | TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN | HARGA DOKUMEN TAWARAN | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP |
|---|--|---|---|--|
| NO. SEBUT HARGA: MPKL/JK/SH : 7/2022 KADAR HARGA KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA PETAK LETAK KERETA, NO. PETAK KERETA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BAGI TAHUN 2022 | SPKK Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : <u>CE42</u> <i>Kerja-kerja Mengecat Jalan</i> DAN UPEN <i>Unit Perancang Ekonomi Negeri</i> | RM150.00 **Tidak akan dikembalikan | Mulai : 1/03/2022 (SELASA) Jam : 12.00 Tengahari PENJUALAN SECARA ONLINE SAHAJA Dokumen pelawaan boleh dimuatturun di laman sesawang https://tender.selangor.gov.my | Tarikh Tutup: 08/03/2022 (SELASA) Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN Majlis Perbandaran Kuala Langat Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan. |
| NO. SEBUT HARGA: MPKL/JK/SH : 8/2022 CADANGAN MENAIKTARAF TANDAS AWAM MEDAN SELERA PERSIARAN MAJLIS, BANTING, KUALA LANGAT. | SPKK Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B24 <i>Kerja Penyenggaraan Bangunan</i> DAN UPEN <i>Unit Perancang Ekonomi Negeri</i> | | **SILA KEMASKINI MAKLUMAT SYARIKAT DALAM LAMAN WEB https://tender.selangor.my UNTUK MELANCARKAN PROSES PEMBELIAN DOKUMEN PELAWAAN. | **Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan |
| NO. SEBUT HARGA: MPKL/JK/SH : 10/2022 CADANGAN BAIKPULIH INFRASTRUKTUR & BANGUNAN SERTA KERJA BERKAITAN DI PANGSAPURI BLOK C DAN D, BANDAR SUNGAI EMAS, MP KUALA LANGAT | SPKK Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 <i>Pembinaan Kejuruteraan Awam</i> DAN UPEN <i>Unit Perancang Ekonomi Negeri</i> | | | |

- Setiap dokumen sebutharga dijual dengan harga RM 150.00 secara ONLINE. Pembayaran boleh dibuat secara kad kredit atau debit kad dan wang bayaran tidak akan dikembalikan.
- Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai 22 FEBRUARI 2022 (SELASA) di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan dipamerkan dan Unit Perolehan dan Ukur Bahan, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor.
- Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara ONLINE di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebutharga dan mengemaskini maklumat pendaftaran PKK, CIDB dan UPEN. Sekiranya gagal berbuat demikian adalah tidak layak untuk membeli Dokumen Sebutharga tersebut.
- Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan WAJIB dibukukan / didokumentasikan.
- Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI dan dimasukkan ke dalam PETI TENDER seperti tertera di atas.
- Penghantaran Dokumen Sebutharga perlu disertakan bersama RESIT PEMBAYARAN sebagai bukti pembelian.
- Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Sebutharga di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan Dokumen Sebutharga. Jika Dokumen Sebutharga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
- Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- Tarikh tutup penjualan Dokumen sebutharga adalah pada 08 MAC 2022 (SELASA). Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN di Talian 03-31872825 sambungan 118,119 dan 167.

Disediakan oleh:

Disemak dan Disahkan oleh:


 (AZLINDA BINTI IBRAHIM)
 Penolong Akauntan
 Unit Perolehan dan Ukur Bahan
 Majlis Perbandaran Kuala Langat


 (MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN P.P.T)
 Ketua Unit
 Unit Perolehan dan Ukur Bahan
 Majlis Perbandaran Kuala Langat